

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**PERTANYAAN : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI**

**TARIKH : 18.03.2019 (ISNIN)**

**Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kementerian akan menetapkan harga maksima yang boleh dikenakan oleh pengusaha kedai makanan dan restoran terhadap penjualan harga air mineral botol 500ml agar kadar keuntungan yang diperolehi tidak melampau.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk menetapkan harga maksima ke atas air mineral botol yang dijual di pasaran. **Sekiranya berlaku aktiviti pencatutan di kedai makanan dan restoran**, Kementerian akan mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan (AKHAP) 2011.